

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

05  
OCT

## NAIB CANSELOR USM TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN PAUSM



USM, PULAU PINANG, 5 Oktober 2016 – Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Datuk Dr. Asma Ismail hari ini menerima kunjungan hormat mantan Naib Canselor USM Tan Sri Dato' Dr. Dzulkifli Abdul Razak yang juga Presiden Persatuan Alumni USM (PAUSM) yang turut disertai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa PAUSM.

"Saya akan memberikan sokongan kepada aktiviti alumni dan berharap lebih ramai alumni akan kembali ke alma mater ini," kata Asma.

Antara yang dibincangkan meliputi beberapa program PAUSM dan yang terdekat adalah AUSM Awesome Nite yang akan diadakan pada 13 Oktober ini di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.

"Saya bagi pihak semua alumni dan Ahli Jawatankuasa akan terus memberikan sokongan penuh kepada USM dan membantu dalam pembangunan Universiti," kata Dzulkifli.

Dzulkifli dilantik sebagai Presiden PAUSM bermula 2015-2017 dalam Mesyuarat Agung ke-19 pada bulan Mac tahun lalu.

Yang hadir sama ialah Setiausaha Agung Persatuan Alumni USM Dr. Nor Zarifah Maliki, Bendahari Dr. Daisy Kee Mui Hung, Ahli Jawatankuasa Dr. Mohamad Muzammil Mohamad Noor dan Mohd Zulkarnain Mohamad Tajulariffin serta dua orang Sekretariat PAUSM.

Teks: Nor Rafizah Md. Zain / Foto: Mohd Fairus Md. Isa



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015